KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	10/12/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	PERHILITAN			



HM 10.12.2021_3

ULAR sawa batik seberat 250 kilogram yang ditemui di kawasan tapak pembinaan di Kampung Gong Nangka, kelmarin.

Guna jentolak pindahkan dua ekor ular sawa batik

Marang: Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) terpaksa menggunakan jentolak untuk memindahkan dua ekor ular sawa batik yang ditemukan di kawasan tapak pembinaan di Kampung Gong Nangka di sini, kelmarin.

Ular pertama seberat 250 kilogram sepanjang 5.79 meter ditemukan pada jam 1.55 tengah hari manakala ular kedua pula ditemukan berhampiran lokasi sama pada 3.15 petang.

Pegawai APM Daerah Marang Leftenan (PA) Mujahid Abd Wahab berkata, kedua-dua reptilia itu ditemukan oleh seorang pekerja ketika sedang menggali tanah menggunakan jentolak di kawasan pembinaan itu.

Menurutnya, pihaknya menerima panggilan pertama pada 2 petang sebelum tiga anggota ke lokasi kejadian untuk menangkap reptilia itu.

"Kami mengambil masa 25 minit untuk menangkap dan memindahkannya ke dalam lori APM menggunakan jentolak dengan bantuan orang awam.

"Kami sekali lagi menerima panggilan daripada individu sama pada 3.23 petang memaklumkan menemui seekor lagi ular sawa batik di kawasan sama.

"Reptilia kedua yang ditangkap ini lebih kecil berbanding ular yang pertama dan kami mengambil masa kira-kira 20 minit untuk menangkap ular seberat 100 kilogram dengan panjang 4.27 meter itu," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Mujahid berkata, kedua-dua ular itu akan diserahkan kepada Taman Rekreasi dan Zoo Kemaman untuk tindakan lanjut.

Katanya, orang awam juga dinasihatkan untuk berhati-hati dan tidak mengambil tindakan sendiri jika menemui haiwan berbisa dan berbahaya sebaliknya menghubungi APM daerah atau talian kecemasan.

ULAR kedua seberat 100 kilogram dengan panjang 4.27 meter.